



PERBADANAN LABUAN

TALKING POINT

YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD

**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA
PERBADANAN LABUAN DAN PERBADANAN
KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA &
PERBADANAN LABUAN DAN SKOP
PRODUCTIONS**

29 APRIL 2019

HOTEL DORSETT GRAND, WP LABUAN

Bismillahirrahmanirrahim

Salutasi

**Datuk-Datuk, Tuan-Tuan, Puan-Puan dan
Hadirin Hadirat sekalian**

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh

Dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita bertemu pada hari ini di dalam majlis menandatangani dua

MEMORANDUM

PERSEFAHAMAN yang pertama antara PERBADANAN LABUAN DAN PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA(FINAS) dan yang kedua antara PERBADANAN LABUAN DAN SKOP PRODUCTIONS SDN BHD.

2. Saya di fahamkan pada hari ini, Perbadanan Labuan akan memeterai memorandum persefahaman (MoU) dan

bersama-sama kita pada hari ini adalah dua nama besar dalam industri perfileman Malaysia. Oleh itu, Perbadanan Labuan selaku tuan rumah bagi acara ini ingin mengalu alukan kehadiran pihak Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan Skop Productions Sdn Bhd (SKOP) ke Wilayah Persekutuan Labuan.

3. Sebagaimana hadirin hadirat sekalian sedia maklum, FINAS adalah merupakan badan yang bertanggung jawab untuk menggalakkan, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan perfileman di Malaysia.

Manakala SKOP pula adalah syarikat yang bertanggung jawab dalam bidang penerbitan televisyen dan filem yang bergiat aktif dalam penggambaran dan penerbitan filem di rantau ini. Walaupun kedua-dua badan ini mempunyai skop tugas masing-masing, namun arah tuju dan matlamat kedua-dua gergasi industri perfileman ini adalah satu iaitu untuk memartabatkan industri perfileman negara di rantau ini.

4. Dalam konteks ini, Perbadanan Labuan pula adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang salah satu fungsinya adalah bertanggungjawab, dalam

memajukan, merangsang dan mengusahakan perkembangan kesenian, kebudayaan, sukan dan aktiviti rekreasi dalam Wilayah Persekutuan Labuan. Oleh itu, Kementerian Wilayah Persekutuan menyokong penuh usaha yang baik ini bagi kemajuan industri pelancongan di pulau ini.

5. Sehubungan itu, Perbadanan Labuan bersama pihak FINAS dan SKOP bersetuju untuk memeterai MoU ini bagi menjalinkan kerjasama dan usahasama antara ketiga-tiga pihak berdasarkan kepada terma yang terkandung dalam

MoU yang akan saya saksikan pada tengahari ini.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

6. Sesungguhnya hasrat Perbadanan Labuan untuk mengadakan MoU ini adalah satu usaha untuk mengangkat lagi nama Wilayah Persekutuan Labuan di peringkat yang lebih luas. Kita sedia maklum, Labuan adalah sebuah pulau yang sangat menarik dengan kedudukannya yang strategik serta mempunyai identitinya yang tersendiri sebagai sebuah pulau tropika dengan jajaran pantainya yang indah serta

bersih dan dengan kepelbagaian budaya serta keharmonian penduduk di pulau ini sendiri yang cukup mencuit hati pengunjung dan pelancong untuk datang bertandang. Maka, tidak hairanlah sekiranya Labuan akan terus menjadi sebuah lokasi penggambaran filem yang terkemuka.

7. Melalui MoU ini, bidang kerjasama yang akan dimeterai oleh Perbadanan Labuan dan kedua-dua badan ini tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan dasar Negara yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa yang mana semua pihak bersetuju

untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi membangun, berkongsi, menyokong, mempromosi dan saling berkerjasama untuk mempromosi Wilayah Persekutuan Labuan sebagai destinasi penggambaran dan penerbitan filem ke arah destinasi pelancongan kreatif yang berdaya saing.

8. Antara bidang kuasa SKOP yang dilihat mampu untuk membantu Wilayah Persekutuan Labuan adalah dari aspek peluang dan pendedahan kepada penduduk tempatan Wilayah Persekutuan Labuan untuk terlibat

sebagai tenaga kerja produksi bagi penggambaran dan penerbitan filem yang dijalankan di pulau ini. Secara tidak langsung, usaha ini bakal membantu meningkatkan sosio ekonomi komuniti setempat.

9. Manakala dari konteks FINAS itu sendiri, berperanan dalam menggalak dan memudah pembangunan industri filem merangkumi sektor pengeluaran, pengedaran dan pemameran di Wilayah Persekutuan Labuan yang secara tidak langsung membantu menjana galakan, inisiatif dan sokongan pelaburan ke pulau ini khususnya dan Malaysia

amnya melalui aktiviti-aktiviti perfileman tempatan. Selain itu juga, MoU ini turut akan memberikan manfaat dalam membangun modal insan dan komuniti filem di Wilayah Persekutuan Labuan bersama kumpulan sasar melalui program-program yang dilaksanakan.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

10. Untuk makluman semua, Kementerian dan Perbadanan Labuan sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Oleh itu, dengan termeterainya MoU ini adalah diharapkan akan dapat

memberikan satu impak yang positif kepada seluruh warga Wilayah Persekutuan Labuan dalam memastikan Labuan berdiri setanding dengan Wilayah Persekutuan yang lain. Saya turut menyeru agar kerjasama ini dapat direalisasikan sebagai mengangkat lagi industri pelancongan di pulau yang indah dan permai ini.

11. Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perbadanan Labuan dan pihak yang terlibat dalam majlis MoU ini semoga kerjasama yang bakal dilaksanakan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

12. Dengan ini, saya mengakhiri ucapan saya dengan Wabillahi Taufik Wal hidayah. Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

Disediakan oleh;
Jabatan Hal Ehwal Korporat
Perbadanan Labuan